



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

Centre for Research and Instrumentation Management

Rujukan: UKM 3.2.8/244/6

Tarikh: 5 Mei 2014

PEKELILING CRIM 4/2014

DEKAN/PENGARAH

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- UKM-Graduate School of Business (GSB)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)
- Pusat Pengajian Umum (PPU)
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
- Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
- Pusat PERMATA Pintar
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- Pusat Kepimpinan Wanita (PKW)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

YBhg. Dato'/Prof,

GERAN SCIENCEFUND DI BAWAH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Sehubungan dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa CRIM telah giat memantau semua geran penyelidikan termasuk geran daripada MOSTI. Semua penerima geran khususnya ScienceFund yang sedang maju dalam menjalankan penyelidikan diminta mengikut perancangan dalam aktiviti *milestones* dan dalam masa yang sama dapat mematuhi perkara berikut :

a) Kawalan Perbelanjaan Mengikut V-Siri

- Penyelidik perlu memastikan perbelanjaan penyelidikan adalah mengikut V siri yang diluluskan oleh Kementerian (Rujuk Approval Committee Evaluation Form di <http://ernd.mosti.gov.my> dan Perjanjian Penyelidikan ScienceFund antara UKM dan MOSTI);
- Pemindahan V siri hanya boleh di lakukan sekali sahaja dalam tempoh pelaksanaan projek (Rujuk garis Panduan Pindahan V siri ScienceFund);
 - i- Jika jumlah peratusan kurang atau sama dengan 20% perlu memohon kelulusan CRIM.
 - ii- Jika jumlah peratusan melebihi 20% perlu memohon kelulusan Kementerian melalui CRIM.
- Pemindahan V siri yang melibatkan pembelian peralatan dalam tempoh enam (6) bulan terakhir tidak akan di pertimbangkan oleh Kementerian.

b) Permohonan Membeli Peralatan Tambahan atau Tiada Dalam Senarai Kelulusan

- Penyelidik perlu memohon dengan kementerian melalui CRIM dengan menyediakan justifikasi kukuh dan sebutharga.
- Sebarang perbelanjaan yang dibuat sebelum permohonan dikemukakan tidak akan di tanggung dengan dana ScienceFund.

c) Permohonan Menghadiri Persidangan/ Seminar/ Simposium/ Latihan/ Jaringan/ Jangkauan Penyelidikan Di Luar Negara

- Penyelidik perlu mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya dua (2) bulan awal melalui sistem e-Mohon Persidangan untuk semakan CRIM sebelum dimajukan ke MOSTI untuk kelulusan;
- Hanya Ketua projek atau penyelidik bersama yang dibenarkan menghadiri Persidangan/ Seminar/ Simposium/ Latihan/ Jaringan/ Jangkauan Penyelidikan Di Luar Negara;
- Penyelidik dibenarkan sekali sahaja menghadiri Persidangan/ Seminar/ Simposium/ Latihan/ Jaringan/ Jangkauan Penyelidikan Di Luar Negara sepanjang tempoh pelaksanaan projek;

- Permohonan lewat atau selepas tarikh Persidangan/ Seminar/ Simposium/ Latihan/ Jaringan/ Jangkauan Penyelidikan tidak akan di pertimbangkan oleh Kementerian.

d) Permohonan Pelanjutan Tempoh Penyelidikan

- Penyelidik perlu mengemukakan permohonan ke CRIM sekurang-kurangnya tiga (3) bulan awal dari tarikh tamat projek dengan mengisi Borang UKM-SPKP-CRIM-PK03-B001: Borang Permohonan Tambah Masa;
- Permohonan selepas tarikh tamat projek tidak akan dipertimbangkan oleh kementerian.

e) Penghantaran Laporan Kemajuan Penyelidikan

- Penyelidik perlu mengemukakan laporan kemajuan (laporan pencapaian prestasi projek dan laporan perbelanjaan mengikut V siri) melalui Sistem eScienceFund (<http://ernd.mosti.gov.my>) untuk dua (2) kali setahun iaitu laporan Januari – Jun sebelum 30 Julai dan laporan Julai – Disember sebelum 31 Januari setiap tahun;
- Kegagalan penyelidik menghantar laporan kemajuan mengikut masa yang ditetapkan akan menjelaskan penyaluran peruntukan tahun berikutnya kepada penyelidik.

f) Penghantaran Laporan Akhir Penyelidikan

- Penyelidik perlu mengemukakan laporan akhir penyelidikan melalui Sistem eScienceFund (<http://ernd.mosti.gov.my>) dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat penyelidikan;
- Kegagalan penyelidik menghantar laporan akhir boleh menyebabkan nama penyelidik disenaraihitamkan oleh kementerian untuk menerima sebarang dana di bawah MOSTI.

Kerjasama YBhg. Dato'/Prof. untuk memaklumkan kepada ketua projek sciencefund di bawah pengawasan YBhg. Dato'/Prof. adalah sangat dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI MOHD ZAIN
Pengarah

s.k :

- YBhg. Datuk Prof. Dr. Noor Azlan bin Ghazali
Naib Canselor UKM
- YBhg. Dato' Prof. Dr. Mazlin Mokhtar
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UKM
- YBhg. Dato' Tuan Haji Mohd Abdul Rasid Mohd Fadzil
Bendahari UKM
- Encik Suhaimi bin Hamzah
Ketua Seksyen Dana
Bahagian Perancangan
Kementerian Sains, Teknologi and Inovasi Malaysia (MOSTI)
Aras 3, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya